

RINGKASAN

**PERUTUSAN Y. BHG. DATO' HAJAH ROSNANI BINTI IBARAHIM,
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA SEMPERNA
MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
TAHUN 2006, JABATAN ALAM SEKITAR PADA ISNIN, 9 JULAI 2007**

Y. Bhg. Dato' mengalu-alukan kedatangan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2006, anjakan gaji Tahun 2007 dan para hadirin. Beliau mengucapkan tahniah kepada 116 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2006 dan 20 orang penerima anjakan gaji Tahun 2007. Beliau juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penjawat awam amnya dan warga JAS khususnya kerana akan menerima kenaikan gaji mulai Julai 2007 ini. Ini merupakan satu perkara yang menggembirakan dan sepatutnya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t dengan keistimewaan dan ganjaran yang diberikan sebagai penjawat awam. Beliau berharap dengan kenaikan gaji ini, semua warga JAS dapat memperbaiki dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan dengan lebih cemerlang demi untuk negara tercinta.

Antara intipati perutusan beliau adalah seperti berikut:-

(i) **Prinsip ingat-mengingati antara satu sama lain**

Dalam sesebuah organisasi yang besar seperti JAS, kita seharusnya menanamkan prinsip ingat-mengingati antara satu sama lain mengenai tugas, peranan dan juga tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita sebagai warga JAS. Sekiranya kita tidak ingat-mengingati antara satu sama lain, kita akan menjadi leka dan lalai;

(ii) **Kepentingan meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan**

Beliau juga menekankan mengenai kepentingan meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan. Penguasaan ilmu pengetahuan bermaksud menguasai ilmu berkaitan bidang tugas dan juga pengetahuan am (*general knowledge*). Penguasaan ilmu pengetahuan berkaitan bidang tugas penting bagi memastikan kita semua benar-benar cekap dan mahir berkaitan tugas yang diamanahkan. Perkara ini penting dalam usaha melahirkan warga JAS yang berpengetahuan dan bermaklumat.

(iii) **Pengurusan Masa**

Masa yang diperuntukkan kepada kita hendaklah diurus dengan cekap. Masa bekerja di pejabat hendaklah digunakan sebaik-baiknya. Beliau menegur sikap segelintir pegawai dan kakitangan JAS yang tidak memanfaatkan sepenuhnya waktu bekerja dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah. Antaranya berbual-bual kosong dan mundar mandir. Jika dikaji, sebenarnya masa bekerja yang ditetapkan kepada kita adalah untuk menghasilkan sejumlah produk (keluaran) yang banyak. Kita akan cemerlang, jika kita berjaya menghasilkan produk yang lebih daripada orang lain. Pendekatan ini perlu diguna dan dipraktikkan di Jabatan kita;

(iv) **Kepentingan meningkatkan usaha-usaha kesedaran penjagaan alam sekitar**

Pada Hari Ahad yang lalu (8 Julai 2007), Y.A.B Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Kempen Kesedaran Alam Sekitar di Pulau Pinang. Kempen ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada seluruh rakyat Malaysia supaya bersama-sama memikul tanggungjawab untuk menjaga dan memelihara alam sekitar. Selaras dengan kempen yang dilancarkan ini, beliau sekali lagi menyeru kepada semua warga JAS untuk memainkan peranan mereka masing-masing. Walaupun peranan itu kecil, tetapi ia memberi makna yang besar kepada kita semua dalam usaha memupuk kesedaran memelihara alam sekitar. Program dan aktiviti kesedaran alam sekitar perlu dipergiatkan. Ianya perlu dijadikan satu budaya di JAS. Beliau juga mengarahkan semua pejabat JAS termasuk negeri dan cawangan mewujudkan "**green office**" di pejabat masing-masing. Usaha ini merupakan salah satu contoh yang baik bagi menyahut seruan Kempen Kesedaran Alam Sekitar.

Di akhir ucapan, beliau sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2006 dan anjakan gaji tahun ini. Beliau juga mengingatkan kepada semua supaya berjimat cermat. Kenaikan gaji yang akan diterima Julai ini bukanlah satu alasan untuk kita boros berbelanja, sebaliknya ini adalah satu peluang untuk kita meningkatkan tabungan untuk masa hadapan.

9 JULAI 2007 (ISNIN)